



**Dr. Nordi Achie menunjukkan salah satu buku agama yang bernilai sempena Program Pesta Buku di depan Perpustakaan UMS**

## ***Books The Build of Nation – Nordi Achie***

**oleh: Johnny Anak Petrus**

SELASA, 18 MAC – Dr. Nordi Achie telah menyampaikan ceramah bersempena Pesta Buku 2014 bertempat di hadapan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertajuk “Bicara Sarjana: Baca Buku Jagan Bakar Buku”.

Sebelum zaman penjajahan, tidak terdapat jurnal di dalam negara ini dan yang ada hanyalah buku. “Bukulah yang telah mencipta jurnal dan sejarah Lembah Nil, Sungai Indus, Mohenjo-Daro dan Harappa semuanya adalah dibangunkan dengan buku,” katanya.

Selain itu, penyelidik kini lebih mementingkan jurnal untuk membuat kajian daripada buku dan bagi beliau, hal ini kerana mereka tidak memahami tentang falsafah ilmu.

Memetik satu ayat, “Books the Build of Nation”, beliau menegaskan bahawa buku yang membangunkan serta memajukan bangsa dan peradaban dan bukannya jurnal ataupun artikel.

Tambahnya, istana yang paling hebat di dunia ialah perpustakaan. Hal ini kerana perpustakaan merupakan mahligai ilmu.

Selain itu, katanya, di negara-negara maju, manusia tidak lagi berbangga dengan bangunan yang tinggi-tinggi dan besar tetapi memandang perpustakaan sebagai bangunan utama. Hal ini demikian kerana, di situlah gedung, khazanah peradaban sesebuah bangsa dan negara.

Beliau juga memberikan sedikit tips kepada pelajar, para pensyarah dan juga kakitangan-kakitangan UMS yang lain mengenai cara untuk meminatkan diri supaya membaca buku iaitu dengan membaca selama 20 minit sehari. Tambah beliau lagi, untuk memulakan budaya membaca ialah dengan “tutup pintu, dan bacalah buku” serta “tutup mulut, dan bukalah minda”.

“Para pelajar juga perlu menghormati masa peribadi dan menghormati masa orang lain agar mereka dapat menghormati masa peribadi untuk belajar dan membaca buku,” jelasnya.

Tegasnya, orang bodoh tidak pernah mencintai buku meskipun dia seorang professor dan buku juga tidak pernah mencintainya.

Selain itu, beliau juga menyajikan tips yang terakhir kepada para pelajar iaitu cara mengatasi kebosanan membaca.

Katanya, pada peringkat awal setiap orang perlulah mengambil lima buah buku dalam pelbagai bidang, pelbagai tajuk dan bacalah setiap buku selama 20 minit secara bergilir-gilir.

Sebelum menutup ceramah, beliau sempat menyediakan beberapa ayat motivasi kepada para hadirin yang hadir ketika itu iaitu, “Belajarlah akhlak sebelum kamu belajar ilmu” kerana bagi beliau seseorang itu tidak berguna sekiranya berilmu tetapi akhlaknya kurang.